



Noraini ikrar teruskan pemerkasaan Wanita ke tahap lebih tinggi

Oleh Nazura Ngah - Mac 12, 2023 @ 7:55am
nazura_ngah@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Dr Noraini Ahmad yang mempertahankan jawatan Ketua Wanita UMNO dalam saingan sengit pemilihan sayap semalam mengajak jentera meneruskan pemerkasaan pergerakan itu ke tahap lebih tinggi.

Menerusi laman sosial Facebook pagi ini, Ahli Parlimen Parit Sulong itu mengucapkan syukur atas kemenangan menewaskan pencabarnya, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil yang membuat kemunculan semula pada pemilihan kali ini.

"Alhamdulillah. Segala puji hanya bagi Allah SWT.

"Terima kasih yang tidak terhingga kepada Wanita UMNO di seluruh negara serta sahabat #SusahSenangBersama di atas sokongan dan kepercayaan kepada saya.

"Ayuhlah, bersama kita meneruskan pemerkasaan Wanita untuk ke tahap lebih tinggi menjadi realiti!," katanya.

Saingan bagi kerusi Ketua Wanita UMNO pada pemilihan kali ini, menyaksikan kedua-dua pemimpin terbabit saling kejar mengejar dalam jumlah undi yang diterima mereka daripada peringkat bahagian.

Shahrizat, 70, yang bersara daripada politik selepas 11 tahun menerajui Wanita UMNO pada 2018, memutuskan kembali ke gelanggang selepas mendakwa mendapat permintaan daripada kalangan pemimpin akar umbi.

Keputusan rasmi pemilihan itu dijangka akan diumumkan Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan UMNO (JPU), Tan Sri Shahrir Samad setelah selesai proses perkiraan undi dan penelitian dijalankan.

Pemilihan UMNO akan berakhir pada 18 Mac 2023 dengan berlangsungnya Mesyuarat Perwakilan dan Pemilihan Jawatankuasa UMNO Bahagian bersama Pemilihan Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO.